



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 10/2022**

**PEMERENGGANAN TANAH UNTUK PENYEDIAAN DOKUMEN HAKMILIK
SEMENTARA**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 10/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 10/2022

Pemerengganan Tanah untuk Penyediaan Dokumen Hakmilik Sementara

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah untuk memastikan bahawa setiap tanah perlu diperengganakan sebelum penyediaan dokumen hakmilik sementara dan sebelum penyediaan permohonan ukur.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan untuk mengeluarkan arahan kepada Penolong Pegawai Penempatan untuk melaksanakan tindakan-tindakan pemerengganan tanah bagi tanah-tanah yang masih belum diperengganakan setelah mendapat kelulusan pemberimilikan daripada Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan subseksyen 180(1) Kanun Tanah Negara [Akta 828].

3. Tindakan pemerangganan ini perlu dilaksanakan bagi memberikan hak dan ketidakbolehsangkalan dokumen hakmilik sementara seakan hakmilik muktamad kecuali sempadan-sempadannya adalah sementara dan tanah itu tidak boleh dipecah sempadan, dipecah bahagian atau disatukan selaras dengan subseksyen 176(2)(a) Akta 828. Subseksyen 181(1)(a) Akta 828 pula memperuntukkan tanda-tanda sempadan sementara dibuat di atas permukaan tanah mengikut pelan dan perihal rujukan tanah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri semasa kelulusan diberikan. Dicadangkan cara pemerengganakan dilaksanakan secara teratur, menggunakan alat ukur yang diluluskan oleh Pentadbiran Tanah serta meletakkan tanda-tanda sempadan sementara yang tahan sehingga selesai kerja ukur muktamad.

4. Pentadbir Tanah juga adalah dinasihatkan untuk memastikan permohonan ukur bagi tanah yang diluluskan ini disediakan dan dihantar kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri selaras dengan subseksyen 181(1)(a) Akta 828. Dicadangkan pelan ukuran yang disediakan lengkap bersama bering, jarak dan keluasan sementara yang mirip seperti pelan pra-hitungan. Pelan ukuran yang tepat adalah diperlukan bagi memastikan ukuran halus menepati piawaian ukuran yang dibenarkan dan menepati seksyen 83 Akta 828.

PEMBATALAN

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 27 Tahun 1977 (Disemak 2007) bertajuk Pemerengganan Tanah Untuk Penyediaan Dokumen Hakmilik Sementara dengan ini adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 31.5.2022

LAMPIRAN A

INDEKS PEJABAT TANAH

Bandar/Pekan/Mukim

Nombor Pejabat Tanah (No. PT)	Nombor Fail/No. Permohonan	Nama Pemohon	Jenis Permohonan	Nombor Lembaran Piawalan	Tarikh Perenggan (Tarikh kerja ukur)	Nombor Pelan Perenggan	Luas	No. P.U. (Tidak terpakai bagi L.T.S)	Nombor Hakmilik Sementara / LPS	Kategori Kegunaan	Nombor Lot Muktamad	Hal-hal lain (No. H.S., P.L., L.T.S., No. Hakmilik asal dalam hal pecah sempadan, pecah bahagian atau percantuman)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)